

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD**

**[PARIT SULONG]**

**TARIKH : 15.3.2016 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 21**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kayu pengukur kejayaan Karnival Usahawan Desa (KUD) dan daripada jumlah syarikat yang mengambil bahagian, berapakah jumlah yang telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa.



## **JAWAPAN:**

Karnival Usahawan Desa (KUD) telah dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak enam kali yang bermula daripada tahun 2006. KUD merupakan platform terbaik dalam penyediaan peluang dan ruang pasaran serta jaringan perniagaan yang lebih luas kepada usahawan Iuar bandar bagi mempromosi produk secara terbuka dan jualan terus kepada pengguna.

KUD dirancang dan dilaksanakan dengan matlamat untuk:

- i) memperkenalkan, mempromosi dan memperluaskan akses pasaran serta memartabatkan produk dan perkhidmatan Iuar bandar;
- ii) meneroka peluang pasaran baru dan lebih besar dengan pengurusan pemasaran secara sistematik; dan
- iii) meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran produk dan perkhidmatan Iuar bandar.

Kayu pengukur bagi kejayaan KUD adalah penambahan kepada bilangan penyertaan usahawan, bilangan pengunjung, nilai transaksi jualan, nilai tempahan dan

bilangan jaringan perniagaan. Jika dibandingkan Karnival yang pertama atau lebih dikenali sebagai Ekspo Desaneka Luar Bandar pada tahun 2006 dengan KUD 2015 pada tahun lepas, penganjuran KUD telah mencatat pencapaian yang membanggakan seperti berikut:

- (i) penyertaan usahawan meningkat daripada 30 usahawan kepada 729;
- (ii) bilangan pengunjung meningkat daripada seramai 101,486 pengunjung kepada 1,118,046 pengunjung;
- (iii) nilai transaksi jualan meningkat daripada RM27,729 kepada RM4,197,768.;
- (iv) nilai tempahan meningkat daripada RM19,500 kepada RM2,249,467; dan
- (v) jaringan perniagaan yang diwujudkan meningkat daripada 93 jaringan perniagaan kepada 11,189 jaringan perniagaan.

Daripada analisa ini, boleh dirumuskan bahawa penganjuran KUD telah menunjukkan peningkatan yang ketara semenjak dimulakan pada tahun 2006 berbanding dengan tahun 2015. Ia telah membantu usahawan

memasarkan produk/perkhidmatan mereka secara lebih meluas khususnya kepada pengguna di bandar serta memperluaskan jaringan perniagaan mereka.

Pada masa ini, sasaran utama bagi KUD adalah untuk memperluaskan pasaran di dalam negara terlebih dahulu walau pun terdapat beberapa produk seperti Pes Nasi Beriyani, produk kesihatan dan makanan sejuk beku yang telah pun dipasarkan ke Iuar negara. Adalah menjadi hasrat Kementerian untuk memperluaskan pasaran produk dan perkhidmatan usahawan Iuar bandar sehingga ke peringkat antarabangsa pada masa hadapan. Selaras dengan itu, Kementerian akan memberikan tumpuan kepada peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan bagi memenuhi spesifikasi dan piawaian pasaran antarabangsa di samping mencari peluang pemasaran sehingga ke peringkat antarabangsa.